



PR1MA LANCAR KEMPEN GIGA PR1MA HOMES, GALAKKAN PEMILIKAN KEDIAMAN DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA

MERU, IPOH (29 September 2024): Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), telah melancarkan Kempen GIGA PR1MA Homes bagi menggalakkan pemilikan kediaman dalam kalangan rakyat Malaysia di seluruh negara. Kempen tersebut telah dilancarkan oleh YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir adalah YBhg Datuk Azrulnizam bin Abdul Aziz, Pengerusi PR1MA, dan YBhg Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PR1MA merangkap Anggota Perbadanan, bersempena Karnival GIGA PR1MA Homes yang berlangsung hari ini.

Kempen yang berlangsung selama empat bulan dari 28 September 2024 hingga 31 Januari 2025 ini memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk memiliki kediaman PR1MA, dengan 61 projek merangkumi 2,785 unit di pelbagai lokasi sekitar Malaysia. Sepanjang tempoh kempen, para pembeli boleh menikmati pelbagai promosi menarik, termasuk pembiayaan kediaman sehingga 120% oleh Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP), kadar faedah pembiayaan serendah 3.8%, pengecualian yuran guaman untuk Perjanjian Jual Beli (SPA), serta rebat khas. Selain itu, PR1MA turut menawarkan langganan Internet percuma selama dua tahun, serta pakej peranti rumah pintar (*smart home*) bernilai RM6,500. Di samping itu, 200 tempahan pertama akan menerima hadiah istimewa daripada PR1MA.

Dalam ucapannya, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Bin Taib, menyatakan, “Sebagai agensi perumahan mampu milik utama di bawah KPKT, PR1MA memikul peranan yang amat penting bagi memastikan rakyat Malaysia mampu memiliki rumah yang berkualiti tinggi pada harga yang mampu milik. Inisiatif seperti Kempen GIGA PR1MA Homes ini sejajar dengan aspirasi KPKT untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah di Malaysia”.

Karnival GIGA PR1MA Homes ini dianjurkan di Perak kerana ia merupakan antara negeri yang mempunyai potensi besar untuk pemilikan kediaman, dengan jumlah projek PR1MA yang masih tersedia untuk dimiliki. Sepanjang acara ini, terdapat pelbagai aktiviti menarik disediakan sesuai untuk semua lapisan masyarakat, menjadikannya destinasi ideal untuk aktiviti keluarga pada hujung minggu, selain dapat memperkukuh keharmonian dalam kalangan penduduk setempat. Antara aktiviti yang disediakan termasuk pasar rakyat, peluang menaiki belon udara panas, dan lorong artisan. Para pengunjung juga dapat menyaksikan persembahan pentas oleh artis-artis jemputan seperti Ella, Muss, Eleena Harris, The Kasanovas, Escape Plan,

dan Wunny. Pengengaruh media sosial, Dr. Say juga turut serta dalam karnival ini sebagai personaliti jemputan.

Bagi menambah daya tarikan karnival ini, pelbagai hadiah menarik menanti pengunjung bertuah termasuk MacBook Air, iPad, Samsung Galaxy Watch7, TV pintar, Nintendo Switch, dan banyak lagi. Para pembeli yang membuat tempahan sepanjang kempen juga berpeluang memenangi hadiah-hadiah lumayan seperti Perodua Myvi, motorsikal elektrik (EV), dan telefon pintar Samsung Galaxy S23 FE Android.

“Karnival GIGA PR1MA Homes dan Kempen GIGA PR1MA Homes yang dilancarkan hari ini adalah sebahagian daripada usaha serta komitmen PR1MA untuk memastikan rakyat Malaysia dapat memiliki kediaman yang berkualiti tinggi pada harga mampu milik dalam komuniti yang holistik. Kami di PR1MA percaya bahawa semua rakyat Malaysia berhak untuk tinggal di rumah yang berkualiti dan kondusif, serta dikelilingi komuniti yang harmoni serta lestari”, kata YBhg Datuk Azrulnizam bin Abdul Aziz.

Kempen ini akan diteruskan dengan pelbagai acara dan jelajah promosi di beberapa lokasi di seluruh Malaysia, termasuk Kampar, Senawang, Seremban, Kajang, dan Melaka.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Kempen GIGA PR1MA Homes, sila layari <https://gigahomes.pr1ma.my/> atau media sosial PR1MA.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Perspective Strategies

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

PR1MA

Khairul Faizi Dalaiil (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)